

Program bina jati diri warga UMS

BH 2.12.13 4

Nabawan: Lebih 1,000 penduduk mem-babitkan pemimpin masyarakat, belia dan pelajar dari Mukim Salong, dekat sini, berkongsi pengalaman serta menjalani pelbagai aktiviti bersama warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena program Outreach Salong.

Program anjuran Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB) UMS diadakan dengan kerjasama pelajar Sarjana Pendidikan Kurikulum, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS serta Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Sabah.

Ketua Program UPPLB, Dr Khalid Johari, berkata program empat hari berakhir kelmarin itu bertujuan meningkatkan kredibiliti UMS untuk meneroka potensi ilmu berkaitan keperluan pembangunan, pendidikan dan sosio ekonomi masyarakat pedalaman.

Katanya, program yang sudah dilaksanakan di beberapa daerah itu mendapat sambutan dan kesan positif, khususnya bagi masyarakat luar bandar selain membina jati diri dalam kalangan pelajar universiti terbabit.

"Menerusi program ini, pelajar dapat berkongsi pengalaman dengan masyarakat setempat dalam pelbagai bidang terutama pendidikan, selain mengenali kehidupan penduduk pedalaman.

"Sebahagian besar aktiviti program empat hari itu berkaitan kemasyarakatan dengan penduduk didedahkan terhadap kepentingan pendidikan," katanya.